



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
(MALAYSIAN PALM OIL BOARD)**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang berkeelayakan dan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** bagi perkara berikut :-

<b>NO &amp; TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>	<b>PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI</b>
<p>MPOB(SH/PDAS/AQD) BIL. 13/2024</p> <p>Cadangan Perolehan Bagi Perkhidmatan Membaiki dan Memasang Fasaliti Pemprosesan Buah Sawit Berskala 100 Kg di Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi, Selangor</p>	<p><b>Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga (Selepas sesi lawatan tapak/taklimat) :</b></p> <p>Bermula 11 Julai 2024 (Khamis) hingga 22 Julai 2024 (Isnin)</p> <p><b>Masa :</b> 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari (Isnin – Jumaat) Atau 2.00 petang hingga 4.00 petang (Isnin – Khamis) 2.45 petang hingga 4.00 petang (Jumaat)</p> <p><b>Tempat :</b></p> <p>Kaunter Kewangan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000, Kajang, Selangor</p>	<p><b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang :</b></p> <p>220601 (Perkhidmatan/ Penyelenggaraan/Pembaikan Peralatan/Kelengkapan Perubatan dan Makmal/Alat Kelengkapan Hospital/Makmal)</p> <p><b>atau</b></p> <p>220602 (Perkhidmatan/ Penyelenggaraan/Pembaikan Peralatan/Kelengkapan Perubatan dan Makmal/Mesin dan Peralatan Makmall)</p> <p><b>dan</b></p> <p>Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i>)</p> <p><b>dan</b></p> <p>Sijil Pendaftaran Bumiputera</p>	<p><b>1. Mengenai dokumentasi kewangan</b></p> <p>Pegawai Bertanggungjawab : Pn. Rozana bt. Khairul Anuar (03-8769 4222)</p> <p><b>2. Mengenai Spesifikasi/Skop Teknikal</b></p> <p>Pegawai Bertanggungjawab : En. Muhamad Roddy Ramli (03-87694804 / 011-62826889)</p>

1. Satu sesi lawatan tapak/taklimat (**wajib**) bagi sebut harga ini akan diadakan seperti butiran berikut :

**Tarikh : 11 Julai 2024 (Khamis)**  
**Masa : 9.30 Pagi – 12.00 Tengah Hari**  
**Lokasi : Bersebelahan Loji Rintis Microtech, Ibu Pejabat MPOB**

**Nota :** Pohon hubungi En. Muhamad Roddy bin Ramli ditalian 03-87694804 / 011-6286889 untuk menghadiri sesi lawatan tapak/taklimat tersebut. Hanya penyebut harga yang menghadiri lawatan tapak/taklimat sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen sebut harga.

2. **Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai, memenuhi syarat kelayakan sebut harga dan telah menghadiri sesi lawatan tapak/taklimat bermula 11 Julai 2024 (Khamis) hingga 22 Julai 2024 (Isnin)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.

3. **Hanya pemilik syarikat (Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM) sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga**, manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Peti Sebut harga/Tender, Kaunter Kewangan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000, Kajang, Selangor.**
5. Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah pada **23 Julai 2024 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.